



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
DEPARTMENT OF VETERINARY SERVICES  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO BASED INDUSTRY  
BLOK PODIUM, LOT 4G1,  
WISMA TANI, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA



Telefon: 03-8870 2208  
Faks: 03-8888 5631  
Email: pro@dvs.gov.my

Ruj. Kami : JPV:PSTT/100 - 3/1/2  
Tarikh : 10/5/2016

**SEMUA PENGIMPORT, PEMBUAT DAN PENJUAL MAKANAN HAIWAN DAN BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN**

Tuan,

**KEPUTUSAN LEMBAGA MAKANAN HAIWAN KE ATAS NOTIFIKASI DAN PELABELAN MAKANAN HAIWAN DAN BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Susulan daripada Mesyuarat Lembaga Makanan Haiwan Bil. 1/2016 bertarikh 3 Mei 2016, mesyuarat telah memutuskan dua perkara iaitu:

- i) Lembaga Makanan Haiwan tidak akan mengeluarkan notifikasi baru atau lanjutan notifikasi kepada Pengimport, Pembuat dan Penjual makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan bermula daripada **10 Mei 2016**. Diminta semua Pengimport, Pembuat dan Penjual makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan melengkapkan dokumen sokongan untuk membolehkan dan mempercepatkan lesen dikeluarkan oleh Lembaga Makanan Haiwan.
- ii) Lembaga Makanan Haiwan memutuskan label makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang mengandungi **antibiotik** perlu dinyatakan **nama bahan aktif antibiotik, takat pemasukan dan tempoh penarikan**. Cara pelabelan adalah mengikut kesesuaian pihak tuan.

3. Sehubungan itu, semua pengimport, pembuat dan penjual makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan diminta untuk mematuhi arahan Lembaga Makanan Haiwan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' DR KAMARUDIN BIN MD ISA)**  
Pengerusi Lembaga Makanan Haiwan  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar  
Putrajaya, Malaysia